

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ZAKARIA BIN MOHD EDRIS @ TUBAU
[LIBARAN]**

TARIKH : 19 NOVEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah hasil siasatan Pasukan Khas Kementerian tentang gangguan sistem di KLIA Ogos yang lalu dan kaedah mengatasinya memandangkan insiden ini membabitkan pintu masuk negara.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada 21 hingga 30 Ogos 2019, infrastruktur rangkaian lapangan terbang (*Airport Network Infrastructure*) di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) telah gagal berfungsi dengan baik. Kegagalan ini telah melumpuhkan sistem *Total Airport Management System* (TAMS) di KLIA yang menjejaskan operasi utama lapangan terbang. TAMS merupakan sistem pengurusan lapangan terbang bersepadu yang diintegrasikan dengan majoriti komponen sistem maklumat berelektronik di lapangan terbang yang dihubungkan melalui kabel optik fiber berkelajuan tinggi.
2. Insiden kegagalan TAMS di KLIA telah menyebabkan gangguan kepada beberapa komponen sistem maklumat berelektronik seperti Sistem Pengendalian Bagasi (BHS), Sistem Paparan Maklumat

NO. SOALAN : 9

Penerbangan (FIDS), Sistem Imigresen, dan Sistem Pengurusan Bangunan (BMS). Ini menyebabkan berlakunya pembatalan dan kelewatan penerbangan, kelewatan penerimaan dan penghantaran bagasi serta kesesakan.

3. Susulan insiden tersebut, Kementerian Pengangkutan pada 28 Ogos 2019 telah menubuhkan Jawatankuasa Peringkat Kementerian Bagi Menyiasat Isu Kegagalan *Total Airport Management Systems* secara pentadbiran. Tujuan utama penyiasatan dilaksanakan adalah untuk menentukan hal keadaan dan punca sebenar kegagalan rangkaian TAMS di KLIA bagi mengelakkan insiden yang sama berlaku pada masa hadapan. Penyiasatan yang dijalankan tidak bertujuan untuk membuktikan kesalahan atau liabiliti kepada mana-mana pihak.

4. Hasil siasatan yang dijalankan, kegagalan rangkaian TAMS adalah disebabkan oleh kegagalan Rangkaian Suis Teras (*Core Network Switches*) untuk berfungsi dan ketidakupayaan untuk memisahkan rangkaian suis teras tersebut. Suis teras tersebut telah pun beroperasi semenjak KLIA beroperasi pada tahun 1998 lagi dan tidak diganti. Suis teras adalah merupakan suis yang menghubungkan kesemua rangkaian sistem di KLIA.

5. Hasil siasatan yang dijalankan juga mendapati bahawa tiada sebarang bukti yang menunjukkan terdapat sebarang serangan siber samada dari dalaman atau luaran yang boleh mengaitkan kegagalan rangkaian TAMS. Selain itu, Polis DiRaja Malaysia juga sedang menjalankan siasatan jenayah bagi mengenalpasti jika terdapat sebarang unsur khianat atau sabotaj.

6. Jawatankuasa Siasatan juga telah mengesyorkan tindakan-tindakan penambahbaikan yang perlu diambil tindakan oleh MAHB antara lain meliputi perkara-perkara yang melibatkan memperkukuhkan operasi Jabatan Teknologi Maklumat, merombak sistem rangkaian TAMS dan menyemak serta memperbaiki *Business Continuity Plan*. Pihak MAHB sedang mengambil tindakan-tindakan penambahbaikan sejajar dengan syor-syor yang telah dicadangkan oleh Jawatankuasa Siasatan tersebut. Sekian, terima kasih.